

TARIKH	3 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	30-31	RUANGAN	Nasional

Pendeposit kongsi untung beli tanah di London

? Saya ingin mengetahui mengapa Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membeli tanah di London dan bukannya di sekitar Kota Makkah.

AYANI70:BHA29093

I Hasrat Tabung Haji melabur dalam hartanah di London bagi memastikan lebih tujuh juta pendepositnya mendapat pulangan simpanan kompetitif dan berterusan. Pelaburan itu menjurus kepada pemilikan bangunan pejabat yang mempunyai penyewa jangka panjang. Ini kerana Tabung Haji bukan saja menguruskan ibadah haji jemaah Malaysia dan menyimpang wang simpanan haji, tetapi juga melabur wang simpanan bagi memberi pulangan kompetitif kepada pendeposit.

Sehingga kini, pelaburan kita berjaya memberi pulangan kompetitif dengan kadar bonus enam peratus pada 2011, berbanding

purata tiga peratus bagi simpanan perbankan Islam. Hasil pelaburan juga digunakan untuk menampung kenaikan kos ibadah haji menggunakan kaedah 'muasassah' dengan harga rendah iaitu RM9,980 saja.

Mengenai pelaburan dan pemilikan aset di Makkah dan Madinah, Tabung Haji tidak membeli hartanah seperti hotel, rumah atau tanah di dua lokasi itu kerana dasar dan undang-undang Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan warga asing memilikinya. Bagaimanapun, Tabung Haji ada membuat pelaburan dengan memajak beberapa hotel di Makkah dan Madinah bagi tempoh antara tiga bulan hingga 25 tahun bagi menjamin penginapan selesa kepada jemaah haji Malaysia, selain membendung kos perbelanjaan mengerjakan haji ke paras paling rendah di rantau ini.

Datuk Paduka Ismee Ismail

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji

